



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA



Dapatkan berita menarik di dalam...

Sidang Redaksi



<i>Penaung</i>	:	<i>Yang Berbahagia Prof. Madya Dr. Azizan bin Abdullah</i>
<i>Penasihat</i>	:	<i>Puan Maznah binti A. Hamid</i>
<i>Pengarang</i>	:	<i>Puan Siti Rozana binti Mat Sanat</i> <i>Encik Mohd Hafiz binti Kasirun</i> <i>Puan Mawar Noor binti Abdullah</i> <i>Encik Idris bin Muhammad</i> <i>Cik Nor Azelea binti Mohd Azahar</i>
<i>Editor</i>	:	<i>Encik Abdul Razak bin Abu</i> <i>Encik Roslan bin Mohd Nor</i>
<i>Percetakan</i>	:	<i>Puan Norme binti Hj Saleh</i>
<i>Rekaletak/Konsep</i>	:	<i>Encik Mohd Danial bin Daud</i> <i>Saudari Norazra binti Rahmat</i> <i>(Pelajar Praktikal Feb - Jun 2015)</i> <i>Saudari Nur Areena Aqilah binti Mohd Sapri</i> <i>(Pelajar Praktikal Ogos - Disember 2015)</i>
<i>Edaran</i>	:	<i>Encik Juharie bin Jemain</i>

AKTIVITI PTDI



BENGKEL KEMAHIRAN PENGGUNAAN DATASTREAM



Perkhidmatan Datastream merupakan salah satu perkhidmatan pangkalan data atas talian yang disediakan oleh Perpustakaan Tun Dr. Ismail untuk kegunaan pelajar dan pensyarah terutama dari jurusan Pelaburan Perniagaan & Kewangan dan Perakaunan. Bengkel Kemahiran Penggunaan Datastream ini diadakan bertujuan untuk:-

- Memberi kefahaman, pendedahan dan panduan yang jelas kepada kakitangan tentang penggunaan Datastream
- Meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mengenai penggunaan Datastream dikalangan kakitangan Perpustakaan Tun Dr. Ismail.
 - Memberi penjelasan dan pendedahan tentang bagaimana cara yang terbaik untuk mengajar Datastream kepada pengguna
 - Mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh pengguna untuk mengakses Datastream

Bengkel ini telah diadakan pada 24 November 2014 (Isnin) bertempat di Makmal Komputer Perpustakaan Tun Dr. Ismail 1. Ianya dihadiri oleh 21 orang kakitangan Perpustakaan Tun Dr. Ismail dan disampaikan oleh Puan Mawar Noor Binti Abdullah.

PROGRAM X-PLORASI ILMU

Program X-Plorasi Ilmu telah berlangsung dengan jayanya pada 15 Disember 2014, 10.00 pagi hingga 12.00 tengahari. X-plorasi Ilmu merupakan satu program yang komprehensif dan mempunyai beberapa objektif iaitu :

- Memberi tunjuk ajar dan latihan secara teori dan praktikal kepada mahasiswa dan mahasiswi supaya mereka dapat melaksanakan tugas dengan cara yang lebih berkesan.
- Mempelajari cara penggunaan OPAC dan pencarian buku di rak supaya mereka dapat memperoleh bahan dengan cepat dan pantas.



- Pelajar dapat mengenalpasti sumber maklumat yang relevan dan tepat dengan cara menggunakan rujukan yang terdapat di dalam buku.
- Membina kemahiran mahasiswa dan mahasiswi dalam mengemukakan sumber rujukan dalam setiap tugas yang dihasilkan bagi mengelakkan plagiarism.
- Berupaya meningkatkan peminjaman buku yang terdapat di Perpustakaan Tun Dr. Ismail kerana pengenalan kepada sumber maklumat yang disampaikan kepada pelajar semester 1.

